

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Jawapan Soalan 3

(a) Apakah maksud liabiliti perniagaan?

Maksud liabiliti perniagaan:
Liabiliti perniagaan adalah hutang perniagaan atau hak tuntutan pihak luar terhadap perniagaan.

(b) Nyata dan jelaskan dua klasifikasi liabiliti yang digunakan semasa penyediaan penyata kedudukan kewangan:

Klasifikasi liabiliti di Penyata Kedudukan Kewangan	Penjelasan
1. Liabiliti semasa	Hutang perniagaan yang perlu dijelaskan dalam tempoh satu tahun.
2. Liabiliti bukan semasa	Hutang perniagaan yang akan dijelaskan dalam tempoh masa lebih daripada satu tahun.

(c) Kelaskan liabiliti-liabiliti berikut mengikut dua klasifikasi liabiliti yang digunakan dalam penyata kedudukan kewangan perniagaan:

Jenis liabiliti	Klasifikasi liabiliti
1. Akaun belum bayar	Liabiliti semasa
2. Gadaian	Liabiliti bukan semasa
3. Pinjaman bank	Liabiliti bukan semasa
4. Sewa belum bayar	Liabiliti semasa

(d) Tuliskan empat urus niaga yang akan mewujudkan liabiliti perniagaan.

Urus niaga mewujudkan liabiliti perniagaan:
1. Membeli barang niaga secara kredit
2. Memperoleh pinjaman dari bank
3. Membeli kenderaan secara bayaran ansuran
4. Kadarbayaran belum bayar pada akhir tahun kewangan.